

# KEBERKESANAN KAEDAH PEMBELAJARAN KOPERATIF JENIS “NUMBERED HEADS TOGETHER” TERHADAP PENCAPAIAN BIOLOGI DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 4

Tan Sek Chin<sup>\*</sup>, Ong Eng Tek<sup>+</sup> & Ong Eng Sing @ Peter Ong<sup>^</sup>

<sup>\*</sup> SMJK Sin Min, Sungai Petani, Kedah

<sup>+</sup> Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak

<sup>^</sup> Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Cheras, Kuala Lumpur

## ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan kaedah pembelajaran koperatif jenis Numbered Heads Together (NHT) berbanding dengan kaedah kuliah dalam meningkatkan pencapaian Biologi dalam kalangan pelajar Tingkatan 4. Reka bentuk kuasi eksperimental praujian-pascaujian kumpulan kawalan (quasi-experimental pretest-posttest control group design) digunakan dengan jumlah sampel seramai 50 orang pelajar daripada dua buah kelas Tingkatan 4 di sebuah sekolah menengah di Sungai Petani, Kedah. Kumpulan eksperimental diajar melalui pembelajaran koperatif jenis NHT manakala kumpulan kawalan diajar menggunakan kaedah kuliah. Pencapaian pelajar dalam Biologi dalam konteks topik pembelajaran “Cell Structure and Cell Organisation” diukur melalui satu ujian 20 item aneka pilihan yang dijana oleh pengkaji dan mempunyai kesahan serta kebolehpercayaan yang sesuai. Penganalisan data praujian menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan secara statistik ( $t = 1.57, p > .05$ ) di antara kumpulan eksperimental dan kumpulan kawalan dari segi min praujian. Sehubungan itu, ujian-t tak bersandar digunakan untuk membandingkan pencapaian pelajar dalam pascaujian, dan penganalisan data menunjukkan min pascaujian Biologi (88.00) kumpulan pelajar yang mengikuti kaedah koperatif jenis NHT adalah lebih tinggi dan signifikan secara statistik ( $t = 5.44, p < .001$ ) berbanding dengan min pascaujian (75.20) kumpulan kawalan. Dapatan kajian ini dibincang dalam konteks pendidikan sains di peringkat sekolah menengah dan diakhiri dengan implikasi untuk kajian-kajian masa depan.*

**Kata kunci:** Pembelajaran koperatif, Numbered Heads Together, struktur Kagan, pendidikan Biologi.